

Bekalan makanan cukup menjelang Aidilfitri

Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@NSTP.com.my

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan di seluruh negara mencukupi menjelang Aidilfitri.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata orang ramai tidak perlu bimbang mengenai masalah bekalan makanan terutama membabitkan bekalan lauk kerana ia mencukupi.

"Saya sudah mengadakan lawatan di beberapa negeri bagi melihat seluruh rantaian pembuatan makanan menjelang Aidilfitri dan mereka memberi jaminan bekalan makanan mencukupi."

"Justeru saya mengingatkan kepada semua peniaga supaya tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga dan menyorok barang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Tok Bali, Pasir Puteh, hari ini.

Rosol turut memaklumkan, kementerian juga sedang mengkaji untuk mengenakan harga maksimum bagi barang keperluan.

"Kita sedang memantau barang apa yang paling mendapat sambutan sebelum mengkaji dari segi harga. Jika ada peningkatan kita akan hadkan harga," katanya.

Dalam perkembangan lain, Rosol berkata, tujuh warga asing yang ditangkap di Kelantan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini, sudah dikenakan kompaun RM1,000 seorang bagi kesalahan tidak meletakkan tanda harga.

Katanya, tujuh peniaga berkenaan masing-masing tiga di Kota Bharu, tiga di Tanah Merah dan satu di Gua Musang.

"Justeru, saya meminta orang ramai yang mempunyai maklumat terdapat peniaga mengambil kesempatan, boleh membuat aduan lengkap kepada pihak kementerian untuk diambil tindakan."

"Kita akui pada awal PKP dilaksanakan terlalu banyak aduan diterima namun ia semakin berkurangan selepas orang ramai mula tampil membuat aduan dan ada peniaga yang dikenakan tindakan."



Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 10 Mei 2020 @ 2:33 PM

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/576729/bekalan-makanan-cukup-menjelang-aidilfitri-metrotv>